



Kursi Pehin Sri Adenan Satem ditubuhkan di UPMKB, teraju penyelidikan etnik peribumi Borneo

Oleh: Azman Zakaria



KUCHING: Kursi Pehin Sri Adenan Satem ditubuhkan di Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) Sarawak untuk memacu usaha penyelidikan dan mempertahankan identiti unik serta kekayaan warisan budaya peribumi Borneo di peringkat antarabangsa.

Sebanyak RM2.54 juta diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak bagi penubuhan kursi itu.

Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg berkata, UPMKB akan menerajui penyelidikan etnik di Sarawak, khususnya daripada aspek budaya, bahasa, pemikiran manusia, adat seni dan warisan tradisional.

Katanya, Kursi Pehin Sri Adenan Satem akan menjadi hab pengumpulan data warisan budaya dan khazanah pelbagai kumpulan etnik di Sarawak dan Borneo yang mungkin akan terbiar atau dilupakan jika tiada penyelidikan mendalam dilakukan.

Penubuhan kursi itu merupakan usaha sama dalam penyelidikan antara Universiti Putra Malaysia (UPM) dan kerajaan negeri Sarawak menerusi Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak.

Bellau berkata kepakaran yang dimiliki UPMKB akan membantu usaha kerajaan Sarawak memelihara budaya dan warisan etnik Borneo.

"Kerajaan Sarawak berharap dengan penubuhan Kursi Pehin Sri Adenan Satem di UPM Kampus Bintulu, akan membangunkan UPM Kampus Bintulu sebagai pusat penyelidikan etnik-etnik Borneo di Sarawak, memfokus kepada elemen budaya, bahasa dan sosioekonomi.



"Usaha UPM Kampus Bintulu memfokus kepada kajian etnik Sarawak secara khusus harus dihargai kerana kita ke arah pembangunan ekonomi yang lebih baik.


"Justeru, bagi menyokong usaha murni ini, kerajaan Sarawak bersetuju menubuhkan Kursi Pehin Sri Adenan Satem yang sepanjang hayatnya merupakan seorang pemimpin yang hebat, serta pendukung juga peminat elemen seni dan budaya," katanya.

Bellau berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2021 (ICSSH 2021) di sini. Pada majlis itu, Abang Johari menyaksikan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak dan UPM bagi penubuhan Kursi Pehin Sri Adenan Satem.


Abang Johari berkata, Sarawak mempunyai 27 kumpulan etnik dan bertutur dalam 45 dialek.

Bagaimanapun katanya, jika dilihat lebih dekat, penduduk peribumi dan suku kaum di negeri itu boleh dibahagikan kepada subsuku kaum bergantung kepada lokasi geografi mereka, seperti komuniti Dayak yang dibahagikan kepada kumpulan Dayak Laut (Iban), Sebuyau, Remun, Balau dan Iban Undup; Melayu diklasifikasikan sebagai Melayu Brunei dan Melayu Sarawak; sementara Melanau terbahagi kepada Oya, Daro, Balingian.

LIHAT JUGA



Tiram di muara Sungai Muar disahkan spesies baharu, tidak terdapat di kawasan lain dunia (/berita /tiram_di_muara_sungai_muar_disahkan_spesies_baharu_tidak_terdapat_di_kawasan_lain_dunia-64093)



INTROP UPM anjur webinar mengenai COVID-19, pembungkusan makanan (/berita /introp_upm_anjur_webinar_mengenai_covid_19_pembungkusan_makanan-64089)



IWGM 2021 bincang meneruskan usaha kelestarian (/berita /iwgm_2021_bincang_meneruskan_usaha_kelestarian-64085)



Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
☎ +603-9769 1000
✉ ---
@ pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu.my)

“Sudah pastinya kepelbagaian bentuk budaya ini menyediakan sumber sangat penting untuk aktiviti penyelidikan terutama mengenai budaya, bahasa, amalan-amalan tradisional, seni persembahan dan gaya hidup,” katanya.

Beliau berkata, walaupun kerajaan Sarawak sedang berusaha membangunkan ekonomi digital, aspek penting budaya tempatan mesti dipelihara dan dipromosikan.

Sehubungan itu katanya, di bawah Belanjawan Negeri 2022, RM10 juta diperuntukkan bagi menubuhkan Dana Pemudahcara Warisan, Seni dan Budaya pada tahun hadapan untuk meningkatkan program serta promosi pelancongan di Sarawak.

“Saya amat berharap kita dapat meneruskan program mencipta peluang dan memperkukuhkan lagi usaha menubuhkan kerjasama akademik serta penyelidikan antara universiti-universiti di kepulauan Borneo dan di seluruh kepulauan ini dan meningkatkan reputasi Borneo sebagai destinasi ekopelancongan dengan mempromosikan warisan budaya Borneo di peringkat antarabangsa,” katanya.

Mengenai ICOSSH21, Abang Johari berkata, ia boleh membawa kepada pembangunan hab pendidikan peringkat antarabangsa di Borneo dan membina hubungan untuk mempromosikan dan memupuk kepelbagaian tradisi budaya masyarakatnya.

Persidangan dua hari itu menghimpunkan peserta daripada pelbagai latar belakang dan negara seperti Brunei, Indonesia dan Filipina.

Hadir sama Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak, Dato Sri Abdul Karim Rahman Hamzah; Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, Tengku Syarif Laksamana Perlis Datuk Sri Diraja Syed Razlan Syed Putra Jamalullail; Menteri Muda Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak, Datuk Sebastian Ting; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Datu, Datuk Amar Jamilah Anu; Timbalan Naib Canselor UPM, Profesor Ir Dr B.T. Hang Tuah Baharudin; dan Pengarah UPMKB, Prof Madya Dr Shahrul Razid Sabini. - UPM

Tarikh Input: 08/11/2021 | Kemaskini: 08/11/2021 | [hairul_nizam](#)

PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fkursi_pehin_sri_adenan_satem_ditubuhkan_di_upmkb_teraju_penyelidikan_etnik_peribumi_borneo-64007&title=Kursi%20Pehin%20Sri%20Adenan%20Satem%20Ditubuhkan%20Di%20UPMKB%2C%20Teraju%20Penyelidikan%20Etnik%20Peribumi%20Borneo%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)

([/#facebook](#)) ([/#twitter](#)) ([/#linkedin](#)) ([/#email](#)) ([/#copy_link](#)) ([/#wordpress](#)) ([/#print](#))

HUBUNGI KAMI

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

pspk@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 |
03-9769 1999

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN


Sistem Pemohonan ke Luar Negara
(<http://bursar1.upm.edu.my/splin/>)
Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN)
(<http://www.isiman.upm.edu.my/>)
KM Portal (<http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home>)
Jawatan Kosong (<http://spj.upm.edu.my/>)
Sistem Baik Pulih ICT (<http://zonict.upm.edu.my/>)
Putra Learning Hub
(<http://learninghub.upm.edu.my/>)
Sistem Pengurusan Perubatan
(<http://regmedic.upm.edu.my/>)
Sistem E-Claim (<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)
i-GIMS (staf) (<http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp>)
i-GIMS (pelajar pascasiswazah)
(<http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/>)
Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah)
(<http://jump.upm.edu.my/smp/action/security/login?mpSetup>)

PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia
(<https://www.moe.gov.my/>)
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (<http://www.ptptn.gov.my/>)
Multimedia Super Corridor (<https://mdec.my/msc-malaysia/>)
Portal myGovernment
(<https://www.malaysia.gov.my/>)
Agensi Kelayakan Malaysia
(<https://www.mqa.gov.my/>)

PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)
Statistik Transaksi Laman Web
(<http://www.upm.edu.my/statistik>)
Tender & Kontrak (<http://etender.upm.edu.my/>)
Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenal_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan-8202)
Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenal_kami/dasar_universiti-56011)
Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)
Dana Wakaf Ilmu (<http://www.wazan.upm.edu.my>)
Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)
Takwim UPM 2021 (https://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20210421082600TAKWIM_UPM_2021_20.1.2021.pdf)
UPM Flywire (<https://landing-pages.flywire.com/landing/upm/>)



Dasar Privasi ([/footnote/dasar_privasi-29949](#)) Hakcipta ([/footnote/hakcipta-29950](#)) RSS ([/rss](#)) Penafian ([/footnote/penafian-29938](#)) Bantuan ([/footnote/bantuan-29937](#)) UPM online ([/footnote/upm_online-38695](#)) Dasar Keselamatan ([/footnote/dasar_keselamatan-29939](#))

LANGGAN MELALUI EMAIL **HANTAR**

© 2021 Universiti Putra Malaysia

